

KEBERKESANAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN MEDIUM MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN GURU SAR-KAFA UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN

(The Effectiveness of Teaching and Learning Method Using Social Media Platforms among “SAR-KAFA” Teachers in Enhancing the Quality of Education)

Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar¹ & Hasmadi Hassan²

¹ Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia PAhang Al-Sultan Abdullah, Kuantan, PAhang, Malaysia.

² Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia PAhang Al-Sultan Abdullah, Kuantan, PAhang, Malaysia. E-mel:
hasmadi@umpsa.edu.my.

ABSTRAK

Kajian dijalankan untuk mengenal pasti pemahaman dan amalan dalam penggunaan medium media sosial untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dicadangkan setelah melihat kerancakan penggunaan medium media sosial dalam pendidikan sebagai alternatif terbaik untuk tujuan pengajaran dan pembelajarannya. Penggunaan teknologi pendidikan norma baharu mempercepatkan penyebaran ilmu pengetahuan dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek masa, tempat dan kondisi semasa. Oleh itu, kajian ini berpeluang melihat sejauh mana tahap pemahaman, penggunaan dan sikap serta mengenalpasti jenis atau bentuk pengajaran dan pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan guru-guru Sekolah Agama Rakyat dan Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (SAR-KAFA) sama ada video, audio, slaid, nota dan latihan. Sampel kajian seramai 200 responden yang terdiri daripada guru-guru “SAR-KAFA” di 20 buah sekolah Daerah Kuantan. Satu set soal selidik yang

mengandungi 46 item dibina oleh penyelidik berdasarkan sumber-sumber kajian dan telah diedarkan kepada responden. Manakala data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian “Statistical Packages for Social Sciences” (SPSS) versi 23.0. Penganalisaan data dibuat dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan lazim bagi menjawab persoalan kajian. Sementara statistik inferensi iaitu Anova sehala, ujian-t dan kolerasi digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada mengenal pasti penggunaan media sosial sebagai teknologi pendidikan dan mempertingkat kualiti pendidikan untuk diadaptasi oleh guru dan pelajar.

Kata kunci: pengajaran dan pembelajaran, media sosial, kualiti pendidikan

ABSTRACT

The study was conducted to identify the understanding and practices in the use of social media platforms for teaching and learning purposes. The study was proposed after observing the smoothness of utilising social media platforms in education as the best alternative for teaching and learning purposes. The use of new norm educational technology accelerates the dissemination of knowledge, and facilitates the teaching and learning process in terms of time, place and current conditions. Therefore, this study provides an opportunity to examine the extent of understanding, usage and attitudes, and to identify the most dominant types or forms of teaching and learning among teachers of “Sekolah Agama Rakyat” and Quran and Fardhu Ain Classes (SAR-KAFA), whether video, audio, slides, notes or exercises. The study sample consisted of 200 respondents, comprising SAR-KAFA teachers from 20 schools in the Kuantan District. A questionnaire containing 46 items was developed by the researcher based on research sources and distributed to the respondents. The data were analysed using the Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 23.0. Data analysis was conducted using descriptive statistics such as percentages, mean and standard

deviation to answer the research questions. Meanwhile, inferential statistics such as one-way Anova, t-test and correlation were used to test research hypotheses. The findings of this study are expected to contribute to identifying the use of social media as educational technology, and improving the quality of education to be adapted by teachers and students.

Keywords: teaching and learning, social media, the quality of education

PENGENALAN

Guru-guru dituntut menggunakan media sosial untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan murid-murid, namun sejauh mana guru-guru “SAR-KAFA” sudah bersedia menggunakan teknologi mudah alih dalam bidang pendidikan untuk memberi pendidikan secara berkesan. Syuhaidah Sulaiman dan Mohd. Isa Hamzah (2019) menegaskan bahawa guru menghadapi banyak halangan dalam mempromosikan penggunaan teknologi digital, seperti dari segi sokongan berkaitan teknologi, masa dan kemudahan. Selain aspek ketersediaan infrastruktur seperti gajet dan pangkalan data berkuasa, aspek nilai tulen aplikasi juga diutamakan.

Noor Shakirah (2006) menjelaskan bahawa media menjadi nadi kepada maklumat, kejayaan sesuatu usaha dalam masyarakat bergantung kepada usaha sejauh mana mereka menguasai medium pada zamannya. Pengajaran dan pembelajaran secara online adalah sesuatu yang baharu menyebabkan terdapat guru yang tidak selesa pengajaran secara dalam talian, kurang kemahiran menggunakan peralatan ICT dan kurang mahir mempelbagaikan bentuk pengajaran. Kajian yang diketuai Prof. Madya Dr. Azlin Norhaini Mansor menunjukkan kaedah pengajaran guru kurang berkesan kerana kurang selari dengan tahap kebolehan dan pembelajaran murid.

Penggunaan media sosial dalam kalangan guru masih di tahap sederhana kerana tidak menggunakan media sosial dengan cara yang kreatif serta tidak memanfaatkannya sebagai medium pendidikan. Berdasarkan kajian Hamzah et al. al, (2007) mendapatkan kesediaan guru menggunakan teknologi dalam ilmu pengetahuan berada pada tahap sederhana. Guru perlu mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran secara kreatif dan inovasi seperti mengadakan kuiz, tugas, latihan dan projek untuk menentukan pencapaian murid. Menurut Noor Syaheerah & Tajul (2021), guru-guru perlulah bersedia ke hadapan untuk mempelajari ilmu-ilmu berkaitan pendigitalan pendidikan Islam dan mampu memanfaatkan semua kemudahan yang tersedia bagi membantu penyebaran ilmu pendidikan Islam.

Oleh itu, penting bagi setiap guru SAR-KAFA untuk mengikuti perkembangan teknologi pendidikan norma baru untuk berkomunikasi dengan murid-murid di media sosial. Pengajaran di media sosial tidak sama dengan cara pengajaran bersemuka, Salah satu faktor pelajar tidak bersemangat kerana tiada guru secara bersemuka dan masalah pengurusan masa ibu bapa dalam memantau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tersebut. Terdapat murid yang tidak mampu mengikuti pembelajaran secara online kerana tiada capaian Internet.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran digital seperti dalam talian telah mendapat respons yang kurang memuaskan apabila terdapat segelintir murid yang mengalami tekanan akibat kurang bersedia untuk menggunakan kaedah pembelajaran yang berbeza (Nilavani & Khairul Azhar 2021). Selain itu, menurut Mohd Fairuz (2020), murid hanya bersedia melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka kerana tidak dapat mengadaptasi pembelajaran dalam talian.

Kualiti pendidikan yang diterima oleh murid bergantung kepada kualiti pengajaran oleh guru. Seorang guru yang bermotivasi akan lebih diyakini murid dan mampu mengajar dengan lebih berkesan. Cabaran utama yang dihadapi guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara online adalah kesukaran mendapatkan perhatian pelajar dan mereka tidak dapat

**Keberkesan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Medium
Media Sosial dalam Kalangan Guru SAR-KAFA untuk Meningkatkan
Kualiti Pendidikan**

memberikan fokus semasa belajar kerana suasana tempat belajar yang tidak kondusif. Tambahan pula, guru kurang bersedia bagi melaksanakan pembelajaran dalam talian kerana latihan kemahiran, isu kekangan masa dan kekurangan rancangan bagi menambah baik kemudahan infrastruktur (Zuraida Baharuddin 2019). Selain itu, guru tertekan dan hilang semangat bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kerana kemudahan akses internet yang sederhana, peranti dan beban kerja yang terlalu banyak. Ini termasuk persediaan untuk menggunakan pelbagai teknologi dalam talian ialah portal pendidikan dalam talian, Microsoft Teams, Zoom serta Google Meet.

Secara amnya, apa yang cuba diketengahkan oleh penyelidik adalah mengenai kesediaan penggunaan media sosial oleh guru SAR-KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran. Media sosial telah menjadi satu elemen penting dalam pendidikan serta mempunyai pengaruh yang signifikan dalam pembentukan peribadi murid pada hari ini. Guru sewajarnya memanfaatkan penggunaan media sosial sebagai alat teknologi pendidikan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Secara khususnya, pelbagai kelebihan yang ditawarkan oleh media sosial yang guru harus gunakan secara efektif.

KAJIAN LITERATUR

Satu kajian mengenai “Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim” bagi menilai tahap profesionalisme tenaga pengajar SAR-KAFA telah dijalankan oleh Bani Hidayat, et.al (2018). Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran guru KAFA perlu dipertingkat tahap profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pendidik. Kajian juga mendapati tahap guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana.

Menurut Bani Hidayat, et al., (2018), meenerusi kajian-kajain yang berterusan sejak tahun 1994 sehingga 2017 daripada pelbagai institusi dan penyelidik bahawa tahap pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru KAFA dan pelajar masih boleh dipersoalkan daripada aspek pelaksanaan strategi, bahan bantu mengajar (BBM), kaedah pengajaran dan profesionalisme.

Kajian oleh Nur Raudhah et al., (2018) mengenai “Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia” menunjukkan bahawa pengurusan SAR di Malaysia telah menghadapi masalah-masalah pengurusan berpunca daripada pendefinisan oleh pihak berkuasa negeri, kewangan, penggajian guru-guru dan juga latihan guru. Sumber utama kewangan adalah dengan melalui yuran bulanan pelajar. Selain daripada melalui bantuan individu, orang ramai, syarikat perniagaan yang ditubuhkan atas usaha Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan juga bantuan dari pihak berkuasa kerajaan negeri dan lain-lain agensi. Lantaran itu, proses pengurusan SAR perlu dilaksanakan sesuai dengan enakmen negeri dan Akta Pendidikan 1996 agar penyelarasan pengurusan dan bantuan dapat disalurkan dengan lebih berkesan (Nur Raudhah et al., 2018).

Media sosial kini merupakan faktor penting dalam proses komunikasi termasuk komunikasi sebagai saluran bagi menyampaikan idea, maklumat dan mesej dengan pantas. Media dan komunikasi saling berkait dalam usaha untuk menyampaikan sesuatu gambaran (Ghazali, 2008). Media sosial bukan sahaja dilihat sebagai penyebaran maklumat dan komunikasi semata-mata sebaliknya sebagai sumber pengajaran, pembelajaran dan pelbagai aktiviti.

E-pembelajaran bermaksud belajar dengan menggunakan teknologi iaitu satu kaedah pembelajaran baharu; maklumat seperti nota dan tugas yang diperlukan oleh pelajar akan dihantar oleh ahli akademik melalui mel elektronik (e-mel) dan Compact Disc. Abbey (2000) menyatakan bahawa e-pembelajaran ialah arahan pembelajaran berdasarkan web. Haughey dan Anderson (1998) pula menyatakan e-pembelajaran ialah pembelajaran secara rangkaian manakala Harasim dan

rakan-rakan (1997) pula mendefinisikan e-pembelajaran sebagai pembelajaran secara dalam talian.

Pekeling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil 2/96, kualiti adalah keseluruhan ciri-ciri dan sifat-sifat sesuatu produk atau perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak yang dinyatakan atau yang tersirat. Secara strategik para teori memberi tafsiran kualiti sebagai memenuhi kehendak dan permintaan pelanggan (Gavin 1988). Juran (1989), kualiti sebagai suatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan berdasarkan kesesuaian dan layak untuk penggunaan (*fitness for use*). Menurut beliau kualiti boleh dicapai melalui langkah-langkah berikut:

- Perancangan kualiti – proses untuk mengenal pasti pengguna, kehendak dan keinginan
- Kawalan kualiti – proses penelitian dan pemastian produk atau perkhidmatan yang dihasilkan memenuhi atau mengikut standard yang ditetapkan.
- Penambahbaikan kualiti – proses yang menentukan satu mekanisme yang sesuai supaya standard kualiti yang ditentukan dapat dipertingkatkan secara berterusan.

Faktor Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Medium Media Sosial dalam Kalangan Guru SAR-KAFA dalam Meningkatkan Kualiti Pendidikan

Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian berlaku apabila terdapat capaian internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara *real time*. Guru boleh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi media sosial, aplikasi seperti Google Meet atau Microsoft Teams secara lintas langsung (live streaming), video, klip audio, e-buku, rakaman atau tugas dalam talian.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran memerlukan murid menggunakan peranti berskrin seperti komputer, komputer riba, peralatan mudah alih seperti tablet atau telefon pintar dalam

tempoh tertentu. Masa penggunaan peranti ini dikenali sebagai tempoh layar (screen time) murid.

Media Sosial

Kaplan dan Haenlein 2010, menyatakan media Sosial merupakan sebuah kumpulan aplikasi berasaskan internet yang membangun atas dasar ideologi dan teknologi Web 2.0 dan membolehkan penciptaan dan pertukaran. Efthymiou dan Antoniou 2012, menyatakan media sosial ialah aplikasi yang berasaskan internet yang membolehkan pengguna untuk “post”, “tweet” dan sebagainya yang membolehkan mereka untuk mengekspresikan atau menggambarkan pengalaman peribadi mereka dan pandangan serta berkongsinya dengan orang lain.

Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah lama bertapak di Tanah Melayu. Nor Raudah Hj. Siren, et al (2018) dalam kajian mereka “Kepelbagai Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia” menyatakan bahawa Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah lama bertapak di Tanah Melayu. Sementara itu Kementerian Pendidikan mendifinikan SAR sebagai “Institut Pendidikan agama yang ditubuhkan oleh masyarakat setempat atau individu akan didaftarkan di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Agama dan ditadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).

Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab menjaga dan membangunkan hal ehwal agama Islam di Malaysia serta turut terlibat dalam menjaga hal-hal berkaitan pembangunan SAR-KAFA yang diletakkan di bawah Bahagian Kemajuan Islam. Pengurusan KAFA diletakkan di bawah Bahagian Kemajuan Islam. Ianya ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja pada Mesyuarat Majlis Kali Ke-26 pada 24 Februari 1983 (Nur Raudah Hj. Siren, 2018).

Antara fungsi bahagian ini yang berkaitan SAR-KAFA ialah meningkatkan kualiti pendidikan dari aspek latihan, pengajaran dan pembelajaran (P&P) Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) dan

**Keberkesan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Medium
Media Sosial dalam Kalangan Guru SAR-KAFA untuk Meningkatkan
Kualiti Pendidikan**

Sekolah Agama Negeri dan Rakyat melalui penyelarasan yang berkesan. Meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran KAFA dan Sekolah Agama Negeri dan Rakyat seluruh negara.

Kualiti Pendidikan

Menurut Mehrota (2004), konsep kualiti menyeluruh juga dilaksanakan dalam bidang akademik untuk mencapai matlamat pendidikan dengan lebih berkesan. Reformasi-reformasi pendidikan yang berlaku bertujuan untuk menghasilkan pendidikan berkualiti yang dapat meluaskan keperluan dan harapan pengguna melalui proses penambahbaikan secara berterusan (Abdul Wahab,1999).

Dalam sistem pendidikan berkualiti terutama di sekolah bertujuan untuk memberi kepuasan kepada ketiga-tiga kumpulan pengguna iaitu pelajar dan ibu bapa mereka, majikan dan komuniti serta kerajaan dan Negara yang menuntut supaya prestasi pendidikan dipertingkatkan. Menurut Hussein (1997), pembangunan pendidikan yang bertujuan untuk mencapai matlamat kualiti dan kecemerlangan harus berasaskan peringkat proses didikan, pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan disertai dengan pembangunan pendidikan keseluruhannya di peringkat sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan instrument soal selidik sebagai alat utama untuk mengumpul maklumat tentang keberkesan kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan medium media sosial di kalangan guru SAR-KAFA dalam meningkatkan kualiti pendidikan.

Sampel kajian dengan menggunakan instrument soal selidik, temu bual dan pemerhatian responden yang dipilih adalah seramai 200 orang dari 20 buah SAR-KAFA di daerah Kuantan. Kawasan kajian yang menjadi pilihan penulis untuk menjalankan kajian kes ini ialah SAR-KAFA daerah Kuantan, Pahang. Kawasan ini dipilih kerana Daerah Kuantan ialah sebuah daerah yang besar dan

Kuantan merupakan ibu negeri Pahang. Kajian tersebut dapat memberi gambaran umum terhadap permasalahan kajian. Di sini juga terdapat banyak SAR-KAFA sama ada di kawasan pendalamatan, Tanah Rancangan Felda, pinggir Bandar dan Bandar.

Hasil kajian ini tidak mewakili keseluruhan populasi guru-guru SAR-KAFA di negeri Pahang dan Malaysia. Kajian ini juga hanya memberikan penumpuan kepada tiga aspek utama iaitu pembelajaran dan pengajaran, penggunaan media sosial dan juga kualiti pendidikan.

Penggunaan soal selidik sebagai alat kajian berdasarkan kepada beberapa kekuatan. Penggunaan soal selidik Wiersma (1999) mempunyai banyak kelebihan. Pertama, soal selidik melibatkan kos pengendalian yang rendah, sampel yang ramai dan bertaburan di seluruh tempat, cepat, dapat menggunakan format yang konsisten, mudah dianalisis, mudah dikodkan ke komputer dan mengelakkan daripada berlakunya berat sebelah. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan ialah *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 25.0.

PENUTUP

Guru-guru merupakan ahli masyarakat yang memainkan peranan utama melaksanakan dasar dan tujuan pendidikan. Dalam pelaksanaan pengajaran dan pendidikan bergantung kepada guru-guru yang merupakan golongan penentu kepada berjaya atau gagalnya usaha untuk melaksanakan apa jua bentuk perubahan ke arah mewujudkan perancangan dan pengurusan dilaksanakan dengan teliti, cekap dan berkesan.

Kejayaan pengajaran dan pendidikan akan meningkatkan kualiti pendidikan dan memerlukan sokongan semua pihak iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Pahang, sekolah, guru, ibu bapa, penjaga dan komuniti. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap pemahaman, penggunaan dan sikap serta jenis atau bentuk

**Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Medium
Media Sosial dalam Kalangan Guru SAR-KAFA untuk Meningkatkan
Kualiti Pendidikan**

pengajaran dan pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan guru “SAR-KAFA” sama ada melalui video, audio, slaid, interaktif dan latihan bagi mewujudkan kualiti pendidikan.

RUJUKAN

- Abu Khairi & Rozaimi. 2007. Cabaran guru pendalamannya Ehwal Pendidikan Feb 6-13.
- Abd Hadi Bin Harun. 2014. Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Secara Atas Talian Ke Atas Sikap, Pengetahuan Dan Tingkah Laku Pelajar Terhadap Tenaga Diperbarui, USM.
- Abu Hassan Hasbullah. 2006. Wayang gambar: Menelaah scene sejarah perkembangan, sempadan teori dan studi masa depan. Dlm. Media Di Malaysia: Mendukung Citra Bangsa, ed. Hamedи Mohd Adnan & Rahman Shaari. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Atory Hussin 1998. Reformasi Pentadbiran Di Malaysia. Selangor: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin 1991. Pengurusan Dalam Islam. Terj. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaki bin Amiruddin, Ahmed Thalal bin Hassan, Ahmad bin Abdul Rahman, Nor binti Abdul Rahman & Mohd Shahriman bin Abu Bakar. 2014. Penggunaan aplikasi atas talian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- Alias Baba. 1992. Statistik penyelidikan dalam Pendidikan dan sains sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alis bin Putih. 2008. Proses Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar. Satu kajian di Kubang Pasu, Kedah. Conference Paper Seminar Pendidikan UTM Mei 2008.
- Babbie, E. 2001. Survey research methods. California Wadsworth Publishing.
- Barry, T. J. 2002. Organisasi kualiti mutlak. Skudai Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia.

Sustainable Development through Spiritual Empowerment:
Perspectives on Education

- Briliannur Dwi C, Aisyah Amelia, Uswatun Hasanah, Abdy Mahesha Putra & Hidayatur Rahman. 2020. Analisis Keefektifan Pembelajaran Online di Masa Pandemi COVID-19. MAHAGURU: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar, 28-37.
- Burhan, J. W. 1999. Mengurus kualiti di sekolah. Terj. Tengku Abd Aziz Tengku Zainal 2004. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara.
- Cheng, Y. C. 1996. School Effectiveness & school based management: A mechanism for development. London: The Falmer Press.
- Cheng, Y. C., Cheng W. M. & Tam, W. M. 1996. A conceptual model for implementing and managing parental involvement in school education. Paper presented at the Eight Regional / International Conference of the Commonwealth Council on Educational Administration Kuala Lumpur 19-24 Ogos.
- Davies, B. & West Burnham. 2006. Menyusun semula kualiti sekolah. Terj Zul Azlan Hamidin. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Deming, W. E. 1981. Management of Statistical Technique for Quality and Production, New York: New York University.
- Eisner, E. W. 1985. The educational imagination: On the designand evaluation of scholl program. New York: Mac Milan.
- Fatin Aliah Phang. 2020. Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat, UTM.
- Ghazali Darusalam & Sufean Husin. 2016. Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Universiti of Malaya Publication.
- Ghazali Sulaiman. 2007. Media Komunikasi Islam. S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM.
- Gavin, D. A. 1988. Managing Kualiti. New York: The Free Press Mac Milan Inc.
- Hanson, E. M. 1996. Educational administration and organizational behaviors Ed. k 4. Boston: Allyn and Bacon.
- Harith Asyraf Hasnam. 12 April 2020. Masalah internet, infrastruktur P&P di rumah jadi keluhan rakyat Malaysia - Kajian. Astro Awani

Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Medium
Media Sosial dalam Kalangan Guru SAR-KAFA untuk Meningkatkan
Kualiti Pendidikan

- Hussein Mahmood. 1992. Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huzaimah Ismail & Baterah Alias. 2007. Dakwah dan Kewajipan. S. Salahudin Suyurno,
- Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UITM.
- Jabatan Perdana Menteri. 1996. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil 2/96. Kuala Lumpur. Jabatan Perdana Menteri.
- Idris Awang & Rahimin Affindy Abdul Rahim. 2006. Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan Dalam Penyelidikan Islam. Jurnal Fiqh: No 3.
- Jaafar Muhammad, Mohd Hizam, H & Zafir. M. 2000. Pengantar Pengurusan. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Jemaah Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. 2003. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. SKPM Edisi Disember 2003. Kajang Selangor.
- Jonathan Sarwono. 2006. Metode Penelitian Kuantitatif & Kualitatif: Graba Ilmu, Candi Gebang Permai Blok R6, Yogyakarta 5511.
- Kamaruddin Musa. 2003. Pengurusan Kualiti Menyeluruh dalam hubungan dengan keberkesanan organisasi. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi 3. 2004. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan. Kuala Lumpur.
- Lewis, R. G. & Smith, H. D. 1994. Total Quality in higher education. Florida: St Lucie Press.
- Lourdusamy, A. 1994. Perbezaan Gaya Kognitif Individu dan Implikasinya Terhadap Pendidikan. Universiti Sains Malaysia. Siri Syarahan Pelantikan Profesor.
- Mampu. 1996. Pekeliling Kemajuan Pertadbiran Awam Bil 2/1996: Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9000 Dalam Perkhidmatan Awam.
- Martina Napratilora, Hendro Lisa & Indra Bangsawan. 2020. Using WhatsApp as a Learning Media in Teaching Reading. MITRA PGMI: Jurnal Kependidikan MI, 6(2), 116-125.

Sustainable Development through Spiritual Empowerment:
Perspectives on Education

- Mohammed Sani, Mohd Izham & Janabee. 2008. Sekolah Berkesan konsep dan ciri utama. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor.
- Mohd Ali Salim. 2007. Memahami tugas guru. Penjana Minda Insan Dis: 78-79.
- Mohd Majid Konting. 2005. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Lebar. 2000. Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia.
- Muzaffar Syah Mallow. 2020. Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian, USIM. Tinta Minda, Kolumnis BERNAMA.
- Nirwana Idrus. 1996. Toward Toatal Quality Management in Academic Quality Assurance in Education: 4 (3): 34-40.
- Norliza Binti A. Rahim. 2013. Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM. Noor Shakirah Mat.
- Oakland, J. S. 1994. Total Quality management. Boston: Butterworth Heinemann.
- Patton, M. Q. 1990. Qualitative evaluation and research method. Newbury Park: Sage.
- Pekeling Kemajuan Perkhidmatan Awam. Garis panduan mengenai strategi-strategi peningkatan kualiti dalam perkhidmatan awam. Bilangan 4 tahun 1991.
- Robiah Sidin. 2003. Teori Pentadbiran Pendidikan – Satu Pengenalan Percetakan ASNI, Ampang Selangor.
- Ross, J. E. 1995. Total quality management: Text, cases and reading. Singapore: SS Mubarak & Brother.
- Samsuddeen. KMS Abdul Aziz. 2005. Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah di sekolah-sekolah swasta di Malaysia: Satu Tinjauan. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saslis. 1993. Total Quality Management in Education. London British Library Cataloging in Publication Data Management, 10, Issue 3.357.
- West-Burnham, J. 1946. Mengurus Kualiti Sekolah Terj. Tengku Abd Aziz Tengku Zainal. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.